KERATAN AKHBAR

JUDUL AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : 5/10/2026

MUKA SURAT : 7

Nikah pasangan warga emas tinggal kenangan

SUNGAI PETANI: Hasrat wanita warga emas mendirikan rumah tangga sekali lagi pada penghujung usia tidak kesampaian apabila bakal suaminya meninggal dunia selepas kereta dipandu terjunam ke dalam sungai di Jalan Lubuk Segintah-Lubuk Kawah, Bukit Selambau, di sini.

Nisun Che Mat, 69, berkata, Mat Yusof Hashim, 77, pernah menyatakan hasrat untuk berkahwin dengannya bagi menghabiskan sisa kehidupan bersama selain saling menjaga antara satu sama lain.

"Arwah ada sebut mahu berkahwin dengan saya sebab nak habiskan masa bersama dan saling menjaga di penghujung usia ini. Namun, hasrat itu tidak kesampaian.

"Alhamdulillah jasad arwah sudah ditemui. Sebelum ini kita berdoa supaya operasi pencarian dipermudahkan. Memang sedih tetapi nak buat macam mana, kita reda sajalah," katanya ditemui di lokasi kejadian di sini semalam.

Menurut Nisun, mereka dijadualkan mendirikan rumah tangga masing-masing untuk kali kedua pada 12 Disember ini, namun belum membuat sebarang persiapan kerana merancang mengadakan majlis secara kecil-kecilan.

Katanya, mereka juga sepatutnya menjalani ujian darah pagi ini sebagai sebahagian daripada persiapan perkahwinan.

"Pagi ini sepatutnya kami buat ujian darah. Malam sebelum kejadian itu pun arwah mengingatkan saya mengenai urusan hari ini (semalam)," katanya.

Nisun berkata, sepanjang mengenali arwah, Mat Yusof merupakan seorang yang baik dan mereka sudah berbincang mengenai kehidupan bersama selepas berkahwin.

Katanya, antara yang dibincangkan ialah tanggungjawab untuk saling menjaga sekiranya seorang daripada mereka jatuh sakit.

Utusan Malaysia sebelum ini melaporkan, mayat Mat Yusof ditemukan dua hari selepas kereta Proton Wira dipandunya terjunam ke dalam sungai di Jalan Lubuk Segintah-Lubuk Kawah, malam kelmarin.

Mayat mangsa ditemukan pada pukul 9.10 pagi, kira-kira 100 meter dari lokasi kereta berkenaan ditemukan di dalam sungai.



NISUN Che Mat turut berada di lokasi pencarian bakal suaminya, Mat Yusof Hashim yang ditemukan mati lemas selepas kereta dipandu terjunam ke dalam sungai di Bukit Selambau, Sungai Petani.